



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

ANUGERAH KHAS KELUARGA SEMPENA BULAN KEBANGSAAN

KUALA LUMPUR, 14 OGOS – Bersempena Hari Kemerdekaan dan sambutan Bulan Kebangsaan yang sedang kita raikan, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) akan memberikan anugerah khas sebagai penghargaan buat insan-insan istimewa dalam keluarga. Anugerah ini bagi mengangkat martabat wira keluarga dan wajar dijadikan contoh teladan terbaik ke arah pembentukan keluarga dan komuniti sejahtera selari hasrat KPWKM yang percaya pembinaan Malaysia Baharu harus bermula dengan pengukuhan institusi keluarga.

Justeru itu, KPWKM akan menganjurkan pengisahan 100 patah perkataan bagi Anugerah Khas Keluarga yang terbahagi kepada lima kategori iaitu Anugerah Khas Bapa, Anugerah Khas Ibu, Anugerah Khas Datuk/Nenek, Anugerah Khas Suami/Isteri dan Anugerah Khas Penjaga.

Pencalonan dibuka mulai sekarang sehingga 31 Ogos 2019. Syarat penyertaan dan borang boleh dimuat turun secara atas talian di <http://keluarga.lppkn.gov.my/akk> Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan melalui emel kepada akk@lppkn.gov.my

Penyertaan terbuka kepada warganegara Malaysia berumur 16 tahun ke atas sebagai pencadang dan boleh mencalonkan individu yang layak mengikut kategori. Penjurian bagi setiap anugerah akan dinilai berdasarkan pengisahan 100 patah perkataan mengenai calon oleh pencadang dan perlu disertakan dengan dua keping gambar calon serta video berdurasi satu minit sebagai tambahan.

Majlis penyampaian anugerah akan dimaklumkan selepas tarikh tutup penyertaan.

####

Disediakan oleh:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara
Pn. Rosmonaliza Abdul Ghani – 019 2333 415
En. Jimbau Munggat – 018 235 2183